

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

untuk Insurans auto365 Comprehensive Premier

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Kereta Persendirian Enhanced auto365 Comprehensive Premier. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah polisi insurans kereta persendirian ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans untuk kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda kerana kerosakan tidak sengaja, pelanggaran, kebakaran, kecurian, percubaan mencuri, kecederaan tubuh badan atau kematian pihak ketiga, kerosakan harta benda pihak ketiga dan manfaat-manfaat lain seperti semua pemandu, bantuan penundaan, elaun ihsan bagi kehilangan kenderaan (CALV), elaun ihsan banjir, perlindungan penjagaan kunci, kecurian/ragut melalui tingkap kereta dan yuran ambulans.

2. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberi?

Insurans ini meliputi:

- kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda termasuk kerosakan tidak sengaja, pelanggaran, kerosakan akibat dihempap pokok tumbang, kebakaran, kecurian dan sebagainya
- liabiliti kepada pihak ketiga untuk kecederaan tubuh badan, kematian dan kerosakan harta benda
- semua pemandu
- bantuan penundaan
- elaun ihsan bagi kehilangan kenderaan (CALV)
- elaun ihsan banjir
- perlindungan penjagaan kunci
- kecurian/ragut melalui tingkap kereta
- yuran ambulans

Beberapa pilihan perlindungan opsyenal popular dengan premium tambahan ialah:

- perlindungan tambahan penuh atau sebahagian untuk konvulsi alam semula jadi contohnya banjir, tanah runtuh dan sebagainya
- perlindungan untuk cermin depan/belakang, tingkap dan bumbung matahari
- liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang (LLP)
- liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai (LLOP)
- pampasan untuk tempoh pembaikan yang dianggarkan (CART)
- mogok, rusuhan dan kekecohan awam
- pengecualian untuk penambahbaikan
- kereta sewaan persendirian (e-hailing tahunan)
- private car 365 plan

No	Manfaat-Manfaat	Private Car 365 Plan				
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan Ezy
1	Kematian Akibat Kemalangan	RM15,000	RM30,000	RM75,000	RM120,000	RM10,000
2	Hilang Upaya Kekal	Sehingga RM15,000	Sehingga RM30,000	Sehingga RM75,000	Sehingga RM120,000	Sehingga RM10,000
3	Indemniti Berganda Semasa Cuti Umum Kebangsaan di Malaysia	RM30,000	RM60,000	RM150,000	RM240,000	Tidak Berkenaan
Perbelanjaan Perubatan, Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik & Yuran Ambulans						
4	a) Perbelanjaan Perubatan akibat kemalangan	RM1,500 Had Gabungan	RM2,000 Had Gabungan	RM3,000 Had Gabungan	RM4,000 Had Gabungan	RM1,500
	b) Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik					Tidak Berkenaan
	c) Yuran Ambulans					
5	Pendapatan Hospital (setiap hari, sehingga 60 hari)	RM30	RM50	RM75	RM100	
6	Elaun Pengebumian	RM750				RM500
7	Elaun Ihsan Banjir	RM1,500				
8	Elaun Ehsan Bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh / Kecurian Kereta	RM6,000	RM8,000	RM12,000	RM18,000	Tidak Berkenaan

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



1 300 88 8990



customer@libertyinsurance.com.my



www.libertyinsurance.com.my

No	Manfaat-Manfaat	Private Car 365 Plan				
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan Ezy
9	Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kereta dan Perkhidmatan Tunda (di dalam Malaysia sahaja)	Perjalanan ulang-alik sehingga 600km	Tiada had jarak			Perjalanan ulang-alik sehingga 150km
10	Perkhidmatan Tunda Kereta akibat Kemalangan (di dalam Malaysia sahaja)	Tidak Berkenaan				Tidak Berkenaan
11	Bantuan Tunda Antarabangsa	Sehingga 60km dari sempadan Malaysia				Sehingga 100km dari sempadan Malaysia
12	Perbelanjaan Sewa Teksi dan Kereta – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans	Tidak Berkenaan	Teksi – RM60 setiap perjalanan; Sewa Kereta – RM150 setiap hari, sehingga RM400 setiap kejadian			Teksi – RM60 setiap perjalanan; Sewa Kereta – Tidak Berkenaan
13	Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kereta di Malaysia (setiap hari) – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans		RM150 setiap hari, sehingga RM400 setiap kejadian			Tidak Berkenaan
14	Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kereta di Republik Singapura (setiap hari) – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans		RM150 setiap hari, sehingga RM300 setiap kejadian			
15	Perlindungan Ehsan untuk Samun dan Pecah Tingkap	Kerosakan Tingkap – RM1,000 Kehilangan Barangan Peribadi/Wang Tunai – RM500				Kerosakan Tingkap dan/atau Kehilangan Barangan Peribadi/Wang Tunai – RM500 Had Gabungan
16	Perlindungan Penjagaan Kunci – terhad kepada 1 kejadian semasa Tempoh Insurans	Tidak Berkenaan				RM500
17	Baki Kad Kredit Tertunggak (disebabkan Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal)	RM300	RM500	RM1,000	RM1,500	Tidak Berkenaan
18	Perbelanjaan Gantian Kereta (setiap hari) – terhad kepada 1 kejadian semasa Tempoh Insurans	RM150 (Sehingga RM450)	RM150 (Sehingga RM600)	RM150 (Sehingga RM750)	RM150 (Sehingga RM900)	
19	Perlindungan Pinjaman Kereta (disebabkan Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal)	RM5,000				
20	Program Bantuan Rujukan	Tidak Berkenaan	Termasuk			Termasuk untuk pengurusan Manfaat 13

Nota: Manfaat 1 hingga 6 dan 15 adalah termasuk perlindungan untuk penumpang di bawah Pelan 1, 2, 3 dan 4 sahaja. Penumpang merujuk kepada maksimum 4 orang setiap kenderaan. Premium tambahan akan dikenakan untuk penumpang seterusnya.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk ke cawangan atau perantara insurans kami untuk mendapatkan pilihan perlindungan opsyenal lain yang disediakan.

Nota:

- Undang-Undang Republik Singapura mewajibkan anda mempunyai perlindungan insurans bagi liabiliti undang-undang terhadap penumpang anda sebelum memasuki negara tersebut.
- Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada profil risiko individu anda termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) anda, perlindungan opsyenal yang dipilih oleh anda, amaun diinsuranskan untuk kenderaan dan lain-lain keperluan pengunderaitan.

4. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj-caj yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Amaun
Cukai perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen atau apabila melibatkan seorang pengantara	10% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ambil perhatian?

- Fasal insurans terkurang akan dikenakan jika kenderaan anda kurang diinsuranskan melebihi 10% daripada nilai pasaran pada masa kerugian. Oleh yang demikian, adalah penting untuk anda memastikan kenderaan anda diinsuranskan pada nilai pasaran yang cukup untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih insurans.
- Anda perlu menanggung ekses dan ekses wajib untuk kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan anda:
 - Ekses ialah amaun pertama yang anda perlu tanggung untuk setiap tuntutan akibat satu kejadian yang kami luluskan. Sila rujuk pada jadual polisi anda untuk mengetahui amaun ekses yang anda wajib bayar.
 - Ekses wajib ialah RM400 yang ditambah kepada ekses di dalam jadual polisi anda yang anda perlu tanggung bagi setiap tuntutan yang timbul daripada satu kejadian yang diluluskan oleh kami. Walau bagaimanapun, ekses wajib ini akan dikecualikan jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah, kecurian atau percubaan kecurian. Ekses wajib akan dikenakan jika anda atau pemandu lain yang memandu kenderaan anda:
 - adalah di bawah umur dua puluh satu (21) tahun; atau
 - memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L).
- Penambahbaikan akan dikenakan jika alat ganti asli yang baharu digunakan untuk membaiki kenderaan anda (untuk umur kenderaan lima (5) tahun dan ke atas) dan ini menyebabkan kenderaan anda berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kerosakan berlaku. Anda diperlukan menyumbang terhadap penambahbaikan itu dengan menanggung sebahagian kos alat ganti baharu dan asli tersebut.
- Jika anda telah menginsuranskan kenderaan anda selama dua belas (12) bulan secara berterusan dan anda atau sesiapa yang lain tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap polisi ini dalam tempoh tersebut, suatu Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) akan diberikan setiap kali polisi diperbaharui. Diskaun Tanpa Tuntutan ini akan meningkat setiap tahun polisi diperbaharui selagi anda terus tidak membuat tuntutan. Jika anda atau sesiapa yang lain mengalami kejadian yang menyebabkan tuntutan terhadap polisi ini, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan yang anda telah kumpulkan akan menjadi sifar semasa pembaharuan seterusnya dan proses mengumpul Diskaun Tanpa Tuntutan anda terpaksa dimulakan semula.

6. Apakah kepentingan pendedahan yang harus saya ambil perhatian?

Kontrak Insurans Pengguna

Dimana insurans yang anda pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) contohnya, anda sepatutnya menjawab semua soalan dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

Dimana insurans yang anda pohon ini berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

7. Berapakah amaun diinsuranskan yang sepatutnya untuk kenderaan saya?

Anda dinasihatkan untuk menginsuranskan kenderaan anda berdasarkan nilai pasaran kenderaan anda semasa memohon polisi insurans motor ini berasaskan nilai pasaran yang diperolehi daripada ISM Automotive Business Intelligence System (ISM-ABI). Sila semak dan pastikan bahawa amaun diinsuranskan adalah mencukupi untuk mengelakkan daripada terkurang/terlebih insurans.

8. Mengapa saya perlu memilih nilai pasaran yang disyorkan sebagai amaun diinsuranskan dalam polisi?

Amaun diinsuranskan yang disyorkan adalah diperoleh daripada ISM-ABI, Sistem Penilaian Pasaran yang diluluskan oleh kami dan ia digunakan sebagai panduan untuk mengesyorkan amaun diinsuranskan untuk kenderaan anda ketika anda membeli insurans ini.

9. Apakah polisi dasar “Nilai Dipersetujui”?

Sekiranya berlaku kerugian sepenuhnya atau kecurian, amaun maksimum yang akan kami bayar ialah sehingga amaun diinsuranskan sepertimana yang tertera dalam jadual polisi.

10. Apakah polisi dasar “Nilai Pasaran”?

Sekiranya berlaku kerugian sepenuhnya atau kecurian, amaun maksimum yang akan kami bayar ialah sehingga nilai pasaran kenderaan yang akan ditentukan pada masa kerugian atau amaun diinsuranskan sepertimana yang tertera di dalam jadual polisi; yang mana lebih rendah.

Adalah penting untuk menginsuranskan kenderaan anda pada nilai pasaran yang secukupnya. Berikut adalah kesan-kesan insurans terlebih dan insurans berkurangan apabila satu kejadian berlaku dan menyebabkan tuntutan:

- Insurans terlebih: Apabila tuntutan berlaku, amaun maksimum yang akan kami bayar kepada anda ialah sehingga nilai pasaran kenderaan anda walaupun amaun diinsuranskan bagi kenderaan anda adalah lebih tinggi daripada nilai pasaran.
- Insurans berkurangan: Apabila tuntutan berlaku, kami hanya akan menanggung sebahagian kerugian yang setimpal dengan perbezaan di antara nilai pasaran dan amaun diinsuranskan. Bakinya hendaklah ditanggung oleh anda sendiri jika amaun insurans yang berkurangan melebihi 10% daripada nilai pasaran.

11. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, contohnya:

- anda atau pemandu yang dibenarkan anda memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga ke tahap tidak dapat mengawal kenderaan anda dengan sewajarnya
- kenderaan anda digunakan:
 - untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau sebarang percubaan untuk melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang
 - berlatih untuk atau mengambil bahagian dalam sukan permotoran, pertandingan, ujian keandalan (reliability trial), ujian kelajuan cubaan atau di mana-mana litar perlumbaan
- kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan oleh pemandu yang tidak dibenarkan
- kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berkaitan dengan peperangan, tindakan keganasan, mogok, rusuhan atau kekacauan awam
- kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat konvulsi alam semula jadi / malapetaka alam seperti banjir, taufan, ribut, tanah runtuh dan sebagainya

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

12. Apakah perkhidmatan/manfaat yang saya perolehi daripada polisi ini?

- **Liberty Auto Assist**
 - Bantuan perkhidmatan penundaan dua puluh empat (24) jam sehingga 365km untuk setiap perjalanan ulang-alik termasuk caj tol tanpa had bagi mana-mana satu kejadian di mana kenderaan anda tidak boleh dipandu atau tidak selamat dipandu akibat sebarang kerosakan seperti yang tersenarai di dalam polisi ini dan ia perlu ditunda di dalam Malaysia
 - Bantuan perkhidmatan kerosakan/penundaan dua puluh empat (24) jam sehingga 365km untuk setiap perjalanan ulang-alik termasuk caj tol tanpa had bagi mana-mana satu kejadian di mana kenderaan anda tidak boleh dipandu akibat sebarang kerosakan di dalam Malaysia

Sila muat turun aplikasi Liberty One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dial 1 300 88 8990 untuk bantuan.

Nota:

- Perjalanan ulang-alik bermaksud perjalanan kereta tunda dari lokasi permulaannya ke tempat kejadian, kemudian penundaan kenderaan anda ke bengkel pembaikan yang diluluskan mengikut permintaan anda atau pemandu yang dibenarkan anda atau ke tempat simpanan yang selamat, kemudian perjalanan balik kereta tunda itu ke lokasi permulaannya.
 - Jika perjalanan penundaan telah melebihi had jarak perbatuan seperti yang dinyatakan di atas, kos tambahan mestilah ditanggung oleh anda atau pemandu yang dibenarkan anda berdasarkan kadar pasaran semasa untuk penundaan.
- **Liberty Express Claim**

Untuk pembayaran segera tuntutan Kerosakan Sendiri tanpa rumit di dalam bentuk “TUNAI”, kami membuat pembayaran secara terus ke akaun bank anda.
 - **Peringatan SMS**

Peringatan SMS untuk pembaharuan polisi dan status tuntutan.
 - **Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan**

Khidmat baiki kenderaan tanpa rumit dengan lebih daripada empat ratus (400) bengkel yang diluluskan

seluruh negara.

13. Apa yang perlu saya tahu apabila membuat tuntutan?

- Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam.
- Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan.
- Sekiranya kenderaan anda mengalami kemalangan, anda perlu menghantar kenderaan anda ke mana-mana bengkel pembaikan yang tersenarai di bawah:
 - a. bengkel pembaikan yang merupakan panel bengkel yang diluluskan oleh kami; atau
 - b. bengkel pembaikan yang telah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); atau
 - c. mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah kami berikan kebenaran khas kepada anda untuk digunakan. Situasi di mana kebenaran khas boleh diberikan oleh kami termasuk:
 - (i) tiada bengkel pembaikan yang diluluskan yang diterangkan dalam (a) dan (b) di atas boleh didapati di lokasi kenderaan anda, dan kami tidak dapat membantu anda mengakses bengkel pembaikan terdekat di panel kami atau bengkel pembaikan terdekat yang telah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);
 - (ii) pembaikan yang memerlukan kepakaran khas daripada bengkel pembaikan khusus yang tidak boleh disediakan oleh bengkel pembaikan yang diluluskan; dan
 - (iii) bengkel pembaikan francais.

Sila muat turun aplikasi Liberty One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dail 1 300 88 8990 untuk bantuan berkenaan item-item di atas.

14. Apakah yang dimaksudkan dengan bengkel pembaikan yang diluluskan?

Bengkel pembaikan yang diluluskan merujuk kepada mana-mana yang berikut:

- a. bengkel pembaikan yang merupakan panel bengkel yang diluluskan oleh kami; atau
- b. mana-mana bengkel pembaikan lain yang mendapat kebenaran khas daripada kami.

15. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat bayaran balik premium jikalau tiada tuntutan terdahulu, berdasarkan kadar jangka pendek, dan sebarang premium minima dibayar di bawah polisi ini tidak boleh dipulangkan.

16. Jika saya perluaskan endorsmen Kereta Sewaan Persendirian ke polisi kereta persendirian saya,

- **Adakah saya layak untuk mendapat bayaran balik premium jika saya ingin membatalkan endorsmen ini?**
 - sewaktu pembatalan endorsmen Kereta Sewaan Persendirian, anda layak untuk mendapat bayaran balik premium pada kadar pro rata, jikalau tiada tuntutan terdahulu di bawah endorsmen ini.
- **Apakah yang akan terjadi kepada kelayakan NCD saya jikalau saya membuat tuntutan kerosakan sendiri di bawah endorsmen ini?**
 - kelayakan NCD anda akan menjadi sifar (0) jikalau anda membuat tuntutan kerosakan sendiri di bawah endorsmen ini.

17. Apa yang patut saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat kepada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

18. Apakah pilihan lain untuk perlindungan insurans motor?

Berikut adalah pilihan lain untuk perlindungan insurans motor:

- Insurans Motor – Perlindungan Komprehensif Plus
- Insurans Motor – Perlindungan Komprehensif Lite
- Insurans Motor – Perlindungan Komprehensif
- Insurans Motor – Perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian Premier
- Insurans Motor – Perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian
- Insurans Motor – Perlindungan Pihak Ketiga^{Tarif}

19. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan lebih maklumat berkaitan insurans motor, sila rujuk kepada buku kecil *infoinsurans* untuk “Insurans Motor” yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinan daripada pengantara insurans untuk maklumat lanjut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

Talian Bebas Tol : 1 300 88 8990

Emel : customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web : www.libertyinsurance.com.my

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG BERSESUAIAN KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN KE ATAS JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. APABILA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA MESTILAH BERURUSAN DENGAN PANEL BENGKEL YANG DILULUSKAN OLEH KAMI SAHAJA ATAU MANA-MANA BENGKEL PEMBAIKAN LAIN YANG TELAH KAMI BERIKAN KEBENARAN KHAS KEPADA ANDA UNTUK DIGUNAKAN. SEKIRANYA ANDA BUKANLAH PIHAK YANG BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEMUKAKAN TUNTUTAN KEPADA KAMI. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 23/05/2025 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.